

10 JAN 2002

KOIZUMI DIBERI SAMBUTAN PENUH ISTIADAT

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi diberi sambutan penuh istiadat setibannya di Kompleks Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini untuk mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau disambut mesra oleh Dr Mahathir di Dataran Putra yang menghadap kompleks berkubah hijau itu sebelum diiringi memeriksa perbarisan hormat terdiri daripada empat pegawai dan 96 anggota daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Abu Samah Mohamed Nooh.

Selepas itu Koizumi diperkenalkan kepada pembesar-pembesar negara dan orang kenamaan asing.

Perdana Menteri Jepun itu yang tiba hari ini untuk lawatan sehari, kemudian menandatangani buku pelawat sebelum meninjau pemandangan di sekitar Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian memulakan pertemuan empat mata sebelum mengetuai perwakilan masing-masing dalam satu mesyuarat.

Malaysia adalah negara kedua yang dikunjungi Koizumi dalam lawatan beliau ke lima negara Asia Tenggara iaitu Filipina, Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura.

-- BERNAMA

MAM SR AHH SP MAI